

Ibarat tinggal dalam air

Lebih 100 penduduk gesa pihak berwajib bina longkang sepanjang jalan kampung

ADILA SHARINNI WAHID

KOTA BHARU – Ibarat tinggal dalam air, begitulah luahan seorang pesara kerajaan mewakili lebih 100 penduduk dari 20 keluarga apabila rumah mereka dinaiki air sejak hujan lebat diramal melanda Kelantan pertengahan November, baru-baru ini.

Lebih memeritkan penduduk, apabila air hujan yang membanjiri kawasan Perumahan Kampung Gertak Sagu, Kemumin, Pengkalan Chepa, di sini itu didakwa terus bertakung walaupun pada hari tidak hujan.

Pesara kerajaan, Salleh Dollah, 58, berkata, masalah itu sudah berlarutan lebih lima tahun setiap kali tibanya musim hujan sehingga merosakkan jalan di kampung berkenaan sekali gus membatasi aktiviti seharian mereka.

“Kami tampil pada hari ini (semalam) supaya pihak berwajib membuka mata dan tampil melihat sendiri masalah yang dihadapi penduduk di sini.”

Salleh Dollah

“Hendak keluar masuk ke rumah sendiri pun menjadi susah apabila air yang bertakung bukanlah air semata-mata malah membawa bersama dengan lumpur yang boleh menyebabkan gatal.

“Lebih teruk apabila ada kenderaan lain terutamanya kereta yang lalu di depan rumah, air yang bertakung itu akan bergelombang dan ma-



Salleh memberi cadangan, pihak berwajib boleh mengali longkang tepi sepanjang jalan di kampung itu.

suk ke dalam rumah,” katanya ketika ditemui *Sinar Harian* di rumahnya, semalam.

Menurutnya, masalah itu sudah pun diadakan kepada

wakil rakyat di kawasan tersebut bagaimanapun sehingga kini masih belum ada tindakan yang diambil.

“Sudah berhari-hari kami

tinggal dalam air ini, walaupun hujan sudah berhenti, tetapi kerana tidak ada saluran, air ini tidak dapat ke mana-mana melainkan bertakung di kawa-

san rumah.

“Kami tampil pada hari ini (semalam) supaya pihak berwajib membuka mata dan tampil melihat sendiri masalah yang dihadapi penduduk di sini,” katanya.

Seorang warga emas, Halimah Ismail, 68, merayu supaya pihak berwajib membina longkang dan parit di kawasan perumahan bagi menyelesaikan masalah di kampung itu.

Katanya, dia dan keluarga kini mengalami kesusahan apabila air bertakung itu mula masuk dan bertakung dalam bilik air bahagian dapur rumahnya.

“Hari ini tidak hujan, kalau hujan air boleh naik sehingga 0.5 meter. Kami sekeluarga kini mandi dalam air bertakung itu, susah, kaki mula gatal-gatal dan berkudis sebab air itu kotor,” katanya.